

24/01/1998

Umno Perak sokong Mahathir, Anwar

IPOH, Jumaat - Semua ahli Umno di Perak menyokong penuh kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata sokongan tidak berbelah bagi itu juga diberikan kepada usaha kedua-dua pemimpin terbabit untuk membaiki keadaan ekonomi.

Menurutnya, sokongan padu kepada kepemimpinan itu dibuat dalam mesyuarat perhubungan Umno negeri yang dihadiri semua ketua Umno bahagian di sini, hari ini.

"Selain itu, ahli parti, terutama pemimpin diminta mengambil langkah yang disarankan kerajaan, termasuk berjimat cermat ketika berbelanja dan tidak melancong ke luar negara.

"Mereka juga diminta menjayakan program menanam sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan itu," katanya.

Ramli yang juga Menteri Besar berkata, Pergerakan Wanita dan Pemuda Umno negeri juga akan memainkan tanggungjawab masing-masing dalam membantu kerajaan membaiki keadaan ekonomi negara.

Menurutnya, mesyuarat juga mengarahkan setiap Ketua Umno bahagian memastikan perjalanan mesyuarat di peringkat cawangan pada Mac ini berjalan dengan baik dengan mematuhi syarat yang ditetapkan.

Katanya, peraturan parti perlu dipatuhi bagi mengelak timbul masalah dalam pemilihan berkenaan.

(END)